

SOALAN NO: 358

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR

SOALAN :

Dato' Haji Mahfuz Omar [Pokok Sena] minta **Perdana Menteri** menyatakan berapakah jumlah aduan diterima oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan berapakah jumlah pegawai awam yang telah dikenakan tindakan tatatertib atau tindakan mahkamah atas aduan yang dikemukakan kepada Suruhanjaya ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Bilangan aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) pada tahun 2011 sebanyak 18 aduan, 2012 adalah sebanyak 357 aduan, 2013 sebanyak 306 aduan, 2014 sebanyak 312 aduan dan setakat 30 April 2015 terdapat sebanyak 89 aduan. Jumlah keseluruhan aduan yang diterima oleh Suruhanjaya setakat ini adalah 1,082 aduan. (rujuk **Lampiran 1**)

Berdasarkan keseluruhan aduan yang telah disiasat penuh oleh Suruhanjaya ini, 20 aduan telah dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) agensi yang berkenaan dengan syor agar tindakan tatatertib diambil ke atas pegawai yang diadukan.

Daripada 20 aduan tersebut, 9 aduan telah diambil tindakan seperti diberi surat amaran, surat teguran, ditahan kerja, dan diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Manakala 11 aduan lagi masih dalam tindakan oleh PBT.

Setakat ini, tiada aduan yang diadukan kepada Suruhanjaya diambil tindakan Mahkamah.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN 1

PECAHAN ADUAN YANG DIDAFTARKAN MENGIKUT AGENSI TAHUN 2011-2015

AGENSI	TAHUN					JUMLAH
	2011	2012	2013	2014	2015	
POLIS DIRAJA MALAYSIA	17	253	215	222	86	773
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA	0	17	15	16	2	50
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN	0	12	10	11	5	38
KASTAM DIRAJA MALAYSIA	0	7	3	10	1	21
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (PENGUATKUASAAN)	0	9	2	2	0	13
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN	0	2	4	4	3	13
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA	0	4	1	3	1	9
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (PENGUATKUASAAN)	0	3	3	1	1	8
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA	0	2	3	0	0	5
JABATAN TENAGA KERJA	0	0	3	1	0	4
JABATAN ALAM SEKITAR	0	1	1	2	0	4
IKATAN RELAWAN RAKYAT MALAYSIA	0	1	0	1	2	4
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN	0	1	1	1	0	3
JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN	0	0	1	2	3	6
JABATAN PERIKANAN	0	0	1	1	0	2
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA	0	1	0	0	0	1
KEMENTERIAN PELANGGONAN MALAYSIA (PENGUATKUASAAN)	0	0	1	0	0	1
JABATAN PENERBANGAN AWAM	0	0	0	0	0	0
JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA	0	0	0	0	0	0
AGENSI DI LUAR BIDANG KUASA	1	44	42	35	5	127